

Tidak perlu pakatan pertahanan

BH 29 JAN 1992

SINGAPURA, Selasa — Asean tidak perlu menja- di pakatan pertahanan ke- rana Malaysia percaya soal keselamatan boleh diselesaikan menerusi perbincangan dua hala se- perti yang dicapai selama ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Men- teri, sejak dulu lagi pendi- rian negara jelas menge- nai perkara itu bahawa hubungan tentera dibuat menerusi hubungan dua hala.

"Bagaimanapun, jika ada cadangan mengenai perkara itu, kita bersedia meneliti dengan lebih lan- jut," katanya mengulas ca- dangan Filipina semalam mengenai keselamatan ser- rantau.

Semalam, Presiden Co- razon Aquino, mence- dangkan Jawatankuasa Perundingan Kerjasama Pertahanan diwujudkan di rantau ini untuk menja- min keselamatan seran- tau.

Menurutnya, jawatan- kuasa itu dapat mengga- lakkan lebih banyak per- bincangan mengenai keselamatan serantau, khususnya selepas keha- diran Amerika Syarikat di rantau ini semakin berku-

rangan.

Dalam sidang akhbar yang dihadiri oleh media asing petang ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir ada an- caman ketenteraan yang serius di rantau ini dan oleh itu tidak perlu ada kehadiran tentera.

Sehubungan itu, beliau yakin negara di Asia Ti- mur sudah tentu belajar dan menyedari adalah ti- dak menguntungkan atau bijak mengadakan hubu- ngan dengan negara yang terbabit dengan Perang Teluk.

Menjawab soalan men- genai kesediaan Singa- pura menawarkan peng- kalan untuk tentera Amerika Syarikat, Per- dana Menteri berkata: "Setakat mana yang me- reka cadang kita tidak mempunyai masalah. Me- reka ingin menyediakan perkhidmatan.

"Bagaimanapun, kita mengambil berat jika ke- hadiran tentera Amerika Syarikat di Singapura se- perti kehadiran mereka di Teluk Subik, Filipina," katanya.

Mengenai fungsi keten- teraan Jepun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Je- pun boleh menyertai tu-

gas menjaga keselamatan yang ditaja oleh Pertubu- han Bangsa-Bangsa (PBB) dan bukannya menjadi satu kuasa tentera.

"Mungkin Jepun boleh mengambil bahagian da- lam kegiatan menjaga ke- selamatan di Kemboja. Jepun sebagai negara sen- diri tidak boleh menjadi kuasa tentera.

"Malaysia tidak pernah mempunyai hubungan ke- tenteraan dengan Jepun dan kita tidak mahu meli- hat pakatan ketenteraan sama ada membabitkan Jepun atau negara lain," katanya.

Mengenai Kepulauan Spratly, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia bo- leh diselesaikan menerusi rundingan pelbagai hala.

"Kebanyakan negara yang terbabit bersetuju mengadakan rundingan antara satu sama lain apa- bila timbul masalah ke- rana menyedari konfron- tasi sesama mereka akan menimbulkan masalah," katanya.

Menjawab soalan, Per- dana Menteri berkata, Malaysia sentiasa berusa- ha untuk meningkatkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan) tanpa membuat publisiti.